

TRANSLANGUAGING DAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU STANDARD: TINJAUAN EKOLOGI LINGUISTIK PELAJAR UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

RABI'ATUL ADAWIYYAH HAJI HASSAN
Pusat Bahasa, Universiti Brunei Darussalam
adawiyah.hassan@ubd.edu.bn

*SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI**
Universiti Malaysia Sabah
saidatul@ums.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Translanguaging kini diiktiraf sebagai strategi pedagogi yang mencerminkan amalan sebenar penutur dwibahasa dan multibahasa. Di Brunei Darussalam, dasar dwibahasa SPN21 memperkenalkan Bahasa Melayu Standard (BMS) dan Bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa pengantar utama, tetapi dominasi BI dan penggunaan meluas dialek Melayu Brunei (DMB) menimbulkan kebimbangan terhadap penguasaan BMS di pendidikan tinggi. Kajian kuantitatif ini melibatkan 36 pelajar prasiswazah kursus LB-1406 Bahasa Melayu Standard dan LB-2405 Kemahiran Komunikasi Strategik di Pusat Bahasa (PB), Universiti Brunei Darussalam, dengan data dikumpul melalui soal selidik mengenai pilihan bahasa, corak penggunaan, dan sikap pelajar terhadap translanguaging. Analisis deskriptif menunjukkan pelajar lebih cenderung menggunakan BI dan DMB, manakala BMS kurang digunakan. *Translanguaging* didapati meningkatkan kefahaman dan penguasaan kosa kata, namun juga menimbulkan gangguan tatabahasa dan mengurangkan pendedahan kepada BMS. Berdasarkan kerangka ekologi linguistik (Haugen, 1972; Hornberger, 2002), kajian menegaskan *translanguaging* sebagai strategi pedagogi yang menyokong penglibatan akademik, sambil menekankan keperluan tindakan proaktif untuk memperkukuh BMS sebagai bahasa ilmu, identiti budaya, dan alat perpaduan nasional, termasuk penyelarasan strategi pengajaran dan penyediaan peluang berstruktur bagi penggunaan BMS secara konsisten. Hasil kajian ini memberi implikasi kepada pengajaran dwibahasa dengan menekankan keseimbangan antara kefahaman konsep melalui *translanguaging* dan pengukuhan bahasa rasmi.

Kata kunci: *translanguaging*; dwibahasa; bahasa Melayu standard; ekologi linguistik; pendidikan tinggi.

ABSTRACT

Translanguaging is increasingly recognized as a pedagogical strategy reflecting authentic communication practices among bilingual and multilingual speakers. In Brunei Darussalam, the SPN21 bilingual policy introduces Standard Malay (BMS) and English (BI) as the primary mediums of instruction; however, the dominance of English and widespread use of Brunei Malay dialect (DMB) raise concerns about the declining proficiency of BMS in higher education. This quantitative study involved 36 undergraduate students enrolled in LB-1406 Standard Malay and LB-2405 Strategic Communication Skills courses at the Pusat Bahasa (PB), Universiti Brunei Darussalam. Data were collected through questionnaires examining language choice, usage patterns, and students' attitudes toward translanguaging. Descriptive analysis revealed a preference for English and DMB, with limited use of BMS. Translanguaging enhanced comprehension and vocabulary acquisition, but also caused grammatical interference and reduced exposure to BMS. Grounded in the linguistic ecology framework (Haugen, 1972; Hornberger, 2002), the findings highlight translanguaging as a pedagogical tool that fosters academic engagement while underscoring the need for proactive measures to strengthen BMS as a language of knowledge, cultural identity, and national cohesion, including aligned teaching strategies and structured opportunities for consistent BMS use. The study has implications for bilingual education, emphasizing a balance between conceptual understanding through translanguaging and reinforcement of the official language.

Keywords: translanguaging; bilingualism; standard Malay; linguistic ecology; higher education.

PENGENALAN

Bahasa Melayu telah diangkat sebagai bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam melalui Perlembagaan 1959. Walau bagaimanapun, perkembangan globalisasi dan dominasi bahasa Inggeris (BI) dalam pendidikan tinggi memberi tekanan terhadap kedudukan bahasa Melayu standard (BMS) sebagai bahasa ilmu. Seiring dengan pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara ke-21 (SPN21) pada 2009, dasar dwibahasa secara rasmi dilaksanakan dengan BMS dan BI sebagai bahasa pengantar utama. Dari perspektif ekologi linguistik, dasar ini mewujudkan ekosistem bahasa kampus iaitu, setiap bahasa menempati domain atau habitat yang berbeza dan saling berinteraksi dalam keseimbangan kuasa, ideologi, dan fungsi. Realiti di lapangan memperlihatkan dominasi BI dalam hampir semua fakulti di UBD, manakala penggunaan BMS lebih terbatas pada modul-modul elektif yang ditawarkan melalui PB, seperti LB-1406 Bahasa Melayu Standard dan LB-2405 Kemahiran Komunikasi Strategik (McLellan, 2023; Sharbawi, 2019).

Kebanyakan pelajar mengikuti modul BMS sebagai pilihan elektif sahaja, dengan kuota maksimum 24 orang setiap kelas. PB sebagai pusat perkhidmatan yang tidak memiliki pelajar sendiri, berbeza dengan fakult-fakulti yang lainnya, menyebabkan bilangan peserta kajian relatif kecil. Keadaan ini menunjukkan *carrying capacity* habitat akademik yang memihak kepada BI, sementara BMS berfungsi dalam ruang ekologi yang sempit (lazimnya, hanya dalam domain formal dan terhad). Kebanyakan pelajar UBD datang daripada latar pendidikan bahasa Melayu sehingga peringkat sekolah menengah. Walaupun BMS ditawarkan di prauniversiti, ia berbentuk elektif dan tidak termasuk sebagai mata pelajaran teras. Dalam kehidupan seharian, pelajar lebih

selesa menggunakan DMB, dialek etnik lain, dan BI. Fenomena ini berimplikasi terhadap penguasaan BMS yang semakin menurun, walaupun diiktiraf sebagai bahasa rasmi dan identiti negara. Dalam kerangka ekologi linguistik, pilihan bahasa pelajar mencerminkan penyesuaian terhadap domain: DMB untuk interaksi sosial rapat, BI untuk akses ilmu dan sumber global, manakala BMS lebih hadir dalam ritual rasmi/identiti dan ruang kurikulum terpilih.

Kajian ini memberi fokus kepada bentuk kemahiran dwibahasa pelajar dan kesannya terhadap pembelajaran modul BMS. Dengan memanfaatkan konsep translanguaging (García & Wei, 2014) dan ekologi linguistik (Haugen, 1972; Hornberger, 2002), analisis ini berusaha memahami peranan interaksi bahasa, domain penggunaannya, dan implikasi terhadap pelestarian BMS di institusi pengajian tinggi Brunei. Secara khusus, kajian ini mengajukan persoalan ekologi, iaitu:

1. Bagaimanakah pertindihan bidang fungsi antara BI–DMB–BMS mempengaruhi penggunaan dan penguasaan BMS?
2. Apakah intervensi ekologi yang diperlukan bagi memperluas habitat BMS di kampus?

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti bentuk kemahiran dwibahasa pelajar yang mengikuti modul BMS di UBD.
2. Menilai kesan kemahiran tersebut terhadap pembelajaran dan penguasaan BMS.
3. Membincangkan dapatan dalam kerangka translanguaging dan ekologi linguistik untuk memperkukuh dasar bahasa pendidikan tinggi.

SOROTAN LITERATUR

Kemahiran Dwibahasa dan Hipotesis Threshold Cummins (1976)

Perbincangan mengenai kemahiran dwibahasa dan pencapaian akademik telah lama menjadi asas penyelidikan dalam linguistik pendidikan tinggi, dan Hipotesis Threshold Cummins (1976) menawarkan kerangka yang paling signifikan untuk memahami bagaimana tahap penguasaan bahasa memberikan kesan sama ada positif atau negatif kepada perkembangan kognitif dan prestasi pelajar. Cummins menegaskan bahawa pelajar yang berada di *lower threshold* berisiko mengalami bilingualisme subtraktif yang membebankan pemikiran, manakala pelajar yang mencapai *upper threshold* menikmati bilingualisme additive yang meningkatkan fleksibiliti kognitif dan prestasi akademik (Bialystok, 2001; Baker, 2011). Penekanan terhadap BICS dan CALP menjadikan hipotesis ini penting kerana CALP merupakan teras kepada penguasaan bahasa akademik yang diperlukan dalam tugas kompleks (Escamilla et al., 2014; Lasagabaster & Doiz, 2003).

Dalam konteks UBD, kerangka Threshold ini semakin relevan apabila faktor ekologi linguistik pelajar turut membentuk tahap penguasaan mereka. Tekanan habitat seperti dominasi BI dalam penilaian, rujukan ilmiah, dan komunikasi akademik mengekang laluan pelajar untuk membangunkan CALP-BMS (Jones, 2015; Martin, 2018). Oleh itu, program intensif, bahan sokongan berstruktur, dan pedagogi eksplisit untuk membina CALP menjadi keperluan mendesak bagi mengurangkan jurang pencapaian serta memastikan pelajar kekal berada pada jalur bilingualisme additive (Evans & Fisher, 2011; García & Wei, 2014). Keseluruhan kerangka ini

menyediakan asas penting untuk memahami mengapa amalan bahasa pelajar UBD cenderung mengutamakan BI dalam domain formal dan akademik.

Implikasi Hipotesis Threshold terhadap pengajaran adalah penting: pendidik boleh merancang program intensif, bimbingan, atau bahan pembelajaran untuk meningkatkan CALP, seterusnya mempromosikan bilingualisme additive dan mengoptimumkan prestasi akademik pelajar (Evans & Fisher, 2011; García & Wei, 2014). Dalam bahasa ekologi, intervensi ini bersamaan dengan restorasi habitat BMS agar pelajar mempunyai ruang, insentif dan sumber untuk menumbuhkan kecekapan akademik.

***Translanguaging* Sebagai Mekanisme Adaptasi Dan Strategi Ekologi Pembelajaran**

Sejalan dengan hipotesis Cummins, konsep *translanguaging* menyediakan penjelasan tambahan tentang bagaimana pelajar dwibahasa menggunakan seluruh keterampilan berbahasa mereka dalam proses pembelajaran. Williams (1994) serta García (2009) menegaskan bahawa *translanguaging* bukan sekadar peralihan bahasa, tetapi strategi kognitif yang mengintegrasikan keseluruhan sumber linguistik pelajar. Di Brunei, *translanguaging* semakin menjadi norma dalam interaksi akademik dan sosial (McLellan, 2023; Jainatul Halida, 2022), mencerminkan keperluan pelajar untuk menavigasi antara BI, DMB dan BMS dalam tugas harian. García & Li Wei (2014) pula menekankan potensi *translanguaging* sebagai strategi pedagogi yang mampu menyokong penguasaan bahasa rasmi jika direka secara terstruktur.

Peranan *translanguaging* dalam ekologi linguistik pelajar boleh difahami sebagai mekanisme adaptasi (*adaptive strategy*). BI memberikan akses kepada sumber ilmu dan terminologi teknikal; DMB berfungsi dalam perundingan makna sosial; manakala BMS digunakan untuk penilaian rasmi, tugas tertentu dan konteks formal. Walau bagaimanapun, tanpa pengurusan habitat bahasa yang jelas, yang melibatkan aturan domain, ganjaran penggunaan, dan norma akademik: *translanguaging* berisiko mewujudkan ekologi linguistik yang tidak seimbang, sekali gus meminggirkan BMS dalam domain ilmiah. Kajian di Malaysia (Ahmad et al., 2020; Lim & Tan, 2019; Chong, 2021) serta Indonesia (Suryadinata, 2019; Prasetyo & Hadi, 2020; Wardani, 2021) mengukuhkan dapatan ini apabila *translanguaging* terbukti menyokong kefahaman akademik, tetapi memerlukan reka bentuk instruksional yang ketat untuk mengelakkan kemerosotan penguasaan bahasa nasional.

Ekologi Linguistik Sebagai Asas Memahami Dinamika Bahasa UBD

Kerangka ekologi linguistik oleh Haugen (1972) dan Hornberger (2002) menyediakan lensa makro untuk memahami bagaimana bahasa berinteraksi dengan struktur sosial, politik, budaya, dan institusi. Hornberger & McCarty (2018) menekankan bahawa ekologi bahasa perlu diatur dengan teliti dalam pendidikan tinggi bagi memastikan bahasa ilmu dan bahasa identiti dapat berkembang seiring. Dalam konteks Brunei, dominasi BI dalam domain makro seperti pengajaran, penyelidikan, dokumentasi rasmi dan komunikasi profesional, serta kedudukan BMS yang terhad kepada modul elektif, menunjukkan ketidakseimbangan ekologi yang ketara (Sharbawi, 2019; Noor Azzam Othman, 2021). Kerangka *ecological continua of biliteracy* menjelaskan bahawa

pengalaman literasi pelajar di UBD cenderung ke arah BI (makro/akademik/tulisan) dan DMB (mikro/sosial/lisan). BMS pula kekal dalam domain terhad, khususnya dalam tugas tertentu, kursus elektif, atau interaksi ritual dan formal. Hal ini bukan sahaja mempengaruhi keupayaan pelajar untuk membina CALP-BMS, tetapi turut membentuk norma bahasa yang akhirnya memberi kesan kepada identiti akademik pelajar sebagai penutur dwibahasa.

Kajian Di Brunei Darussalam dan Serantau

Kajian di Brunei menunjukkan bahawa *translanguaging* kini menjadi norma interaksi pelajar universiti dalam pelbagai konteks akademik dan sosial. McLellan (2023), dalam artikelnya bertajuk *Bilingualism and Translanguaging in Brunei Darussalam*, menekankan bahawa pelajar sering menyesuaikan bahasa mereka antara BMS, BI, dan DMB untuk memudahkan komunikasi, meningkatkan kefahaman, dan menyokong proses pembelajaran. Fenomena ini mencerminkan strategi linguistik semula jadi pelajar dwibahasa yang berfungsi sebagai alat fleksibiliti komunikasi tanpa mengabaikan peranan BMS sepenuhnya. Kajian Sharbawi (2019, 2021) pula, melalui kertas kerja beliau *The Challenges of Maintaining Standard Malay in a Bilingual Nation* dan *Language Practices and Policy Gaps in Brunei Higher Education*, menyoroti cabaran sosiolinguistik yang dihadapi BMS dalam konteks pendidikan tinggi. Penulis menekankan jurang antara dasar bahasa rasmi dan amalan sebenar di kampus, iaitu BI mendominasi pengajaran, penyelidikan, dan komunikasi profesional. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tanpa strategi pengukuhan yang berstruktur, kedudukan BMS sebagai bahasa ilmu dan identiti nasional berisiko terpinggir.

Noor Azzam Othman (2021), dalam artikelnya *Language Policy and the Future of Malay in Brunei*, menekankan persaingan antara BMS dan BI, khususnya dalam konteks tugas akademik dan komunikasi formal. Kajian beliau membuktikan bahawa walaupun dasar dwibahasa wujud, pelajar lebih cenderung menggunakan BI kerana faktor keyakinan diri, kemudahan kosa kata, dan tekanan akademik. Di Malaysia, beberapa kajian menunjukkan pola *translanguaging* yang serupa di kalangan pelajar universiti dwibahasa. Ahmad et al. (2020), dalam kertas kerja *Translanguaging in Malaysian University Classrooms: Patterns and Implications*, mendapati bahawa pelajar kerap beralih antara BMS dan BI semasa menyiapkan tugas akademik untuk memanfaatkan kosa kata dan konsep dari kedua-dua bahasa.

Bukan itu sahaja, Aziz & Ismail (2021), melalui kajian *Structured Use of National Language in Malaysian Higher Education*, menekankan bahawa penguatkuasaan penggunaan bahasa rasmi melalui modul terancang dan latihan berstruktur mampu meningkatkan penguasaan BMS serta memupuk keyakinan pelajar untuk menggunakan bahasa rasmi dalam komunikasi formal. Tambahan pula, Lim & Tan (2019), dalam kajian *Translanguaging Practices in Malaysian Tertiary Education*, menunjukkan bahawa *translanguaging* dalam kelas BMS dan BI dapat meningkatkan kefahaman konsep kompleks, tetapi tanpa arahan yang jelas, BMS mudah dipinggirkan. Kajian Chong (2021), *Managing Translanguaging in Academic Settings: Malaysian Evidence*, pula menekankan bahawa penggunaan *translanguaging* secara berlebihan tanpa kawalan modul boleh menjejaskan standard bahasa akademik, justeru dasar pengajaran perlu dirancang dengan teliti.

Di Indonesia, Suryadinata (2019), dalam artikelnya *Translanguaging in Indonesian Universities: Practices and Implications*, menegaskan bahawa translanguaging dapat berfungsi sebagai jambatan pembelajaran, membolehkan pelajar memahami konsep akademik dengan lebih baik melalui penggunaan repertoir bahasa yang luas. Prasetyo & Hadi (2020), dalam kertas kerja *Impact of Translanguaging on STEM Learning in Indonesian Higher Education*, mendapati bahawa pelajar yang menggunakan translanguaging dalam subjek STEM dapat meningkatkan kefahaman konsep saintifik, tetapi penggunaan bahasa nasional secara konsisten masih diperlukan untuk mengekalkan identiti bahasa. Wardani (2021), melalui kajian *Translanguaging and National Language Maintenance in Indonesian Universities*, pula menekankan bahawa tanpa strategi pengajaran dan dasar pendidikan yang tersusun, *translanguaging* boleh mengurangkan pendedahan pelajar kepada bahasa nasional, yang seterusnya menjejaskan penguasaan tatabahasa dan kosa kata formal.

Kesemua kajian ini menegaskan bahawa *translanguaging* mempunyai potensi besar sebagai alat pedagogi yang menyokong pembelajaran dwibahasa, Namun, tanpa pengukuhan melalui modul formal, dasar bahasa, dan strategi pengajaran yang tersusun, BMS berisiko kehilangan kedudukan sebagai bahasa ilmu dan identiti kebangsaan. Fenomena ini juga menjadi relevan dalam konteks Brunei kerana BMS menghadapi tekanan daripada BI dan DMB. Oleh itu, pengintegrasian *translanguaging* perlu dilakukan secara berhati-hati, selaras dengan objektif pendidikan tinggi dan pemeliharaan bahasa rasmi. Secara serantau, pola ini boleh difahami sebagai fenomena ekologi linguistik: bahasa dominan memperoleh lebih banyak sumber (akses bahan, penilaian, prestij), manakala bahasa rasmi memerlukan pengurusan habitat dan insentif struktur untuk kekal subur di domain akademik.

METODOLOGI

Kajian ini menerapkan reka bentuk kajian campuran (*mix-methods*) dengan fokus utama pada pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan lapangan bagi menilai amalan dwibahasa pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan implikasinya terhadap penguasaan BMS dalam konteks pendidikan tinggi. Pendekatan kuantitatif membolehkan pengumpulan data secara sistematik dan analisis corak penggunaan BMS, BI, dan DMB. Selain memetakan pilihan bahasa, reka bentuk kajian turut ditujukan untuk memetakan ekologi linguistik pelajar merentas domain akademik, sosial dan rasmi.

Responden Kajian

Seramai 36 pelajar UBD yang mengikuti modul LB-1406 Bahasa Melayu Standard dan LB-2405 Kemahiran Komunikasi Strategik dijadikan responden kajian seperti pemilihan responden dilakukan secara persampelan bertujuan untuk memastikan peserta mempunyai pengalaman langsung dalam modul BMS dan berkemahiran dwibahasa. Kumpulan ini dipilih dengan mengambil kira kepelbagaian latar belakang etnik, gender, dan sejarah pendidikan, bagi mencerminkan profil dwibahasa pelajar UBD secara menyeluruh.

Kepelbagaian ini juga penting untuk menelusuri variasi ekologi linguistik, contohnya, pelajar STEM dan jurusan kemanusiaan mungkin berbeza tekanan habitat bahasa disebabkan norma literasi fakulti. Walaupun saiz sampel kecil, kajian ini menerapkan teknik persampelan

bertujuan merentas pelbagai fakulti bagi memastikan kebolehlaksanaan dan representasi. Kajian ini bersifat eksplanatori awal (*exploratory*), bukan inferensi populasi, maka saiz ini sesuai untuk menjana hipotesis bagi kajian lanjutan.

Instrumen Kajian

Instrumen utama kajian ialah soal selidik dalam talian menggunakan *Google Form* (rujuk Apendiks 1), yang direka khusus untuk mengumpul data mengenai amalan dwibahasa pelajar dalam konteks akademik dan sosial. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian utama:

- i. Bahagian A – Demografi Pelajar
Mengumpul maklumat asas seperti umur, gender, etnik, dan latar pendidikan sebelum memasuki universiti. Maklumat ini digunakan untuk mengenal pasti sebarang perbezaan penggunaan bahasa berdasarkan faktor demografi. Di sini, item tambahan menjejak pendedahan domain (jam kontak/ minggu) kepada BI, BMS, dan DMB sebagai pemboleh ubah ekologi.
- ii. Bahagian B – Soalan Tertutup
Terkandung soalan berkaitan kemahiran dwibahasa pelajar dalam interaksi kuliah dan penulisan akademik. Responden diminta menilai kekerapan penggunaan BMS, BI, dan DMB dalam pelbagai situasi menggunakan skala Likert. Bahagian ini membolehkan analisis kuantitatif mengenai bahasa dominan harian dan akademik. Item juga memetakan lokasi/ domain (kuliah, tugas, perbincangan kumpulan, media sosial) untuk mengenal pasti “peta ekologi” penggunaan bahasa.
- iii. Bahagian C – Soalan Terbuka
Pelajar diminta memberi pandangan tentang kesan kemahiran dwibahasa terhadap pembelajaran BMS, termasuk cabaran, manfaat, dan strategi peribadi dalam menghadapi situasi pembelajaran dwibahasa. Data kualitatif ini memberikan konteks tambahan bagi dapatan statistik, membolehkan tafsiran yang lebih mendalam melalui perspektif translanguaging dan ekologi linguistik. Jawapan kualitatif dianalisis untuk mengenal pasti “naratif ekologi” seperti justifikasi pemilihan BI, DMB atau BMS mengikut domain dan sumber yang tersedia.

ANALISIS DATA KAJIAN

Data dianalisis secara deskriptif untuk mengenal pasti corak dan kecenderungan penggunaan bahasa. Peratusan penggunaan BMS, BI, dan DMB dalam interaksi harian dan akademik dipersembahkan melalui jadual dan figur ringkas bagi memudahkan visualisasi. Tambahan analisis deskriptif membolehkan pengenalanpastian amalan translanguaging, tahap keyakinan pelajar menggunakan BMS, serta hubungan antara penggunaan bahasa dengan latar belakang demografi. Seiring itu, kami menafsir temuan dalam kerangka ekologi linguistik dengan mengkategorikan domain, tekanan, dan sokongan institusi terhadap setiap bahasa.

Selain itu, data tafsiran daripada soalan terbuka dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Tema yang dikenal pasti dikaitkan dengan konsep translanguaging (García & Wei, 2014) dan kerangka ekologi linguistik (Haugen, 1972; Hornberger, 2002), termasuk interaksi bahasa, domain penggunaan, dan faktor sosial serta institusi yang mempengaruhi penguasaan BMS. Secara

eksplisit, tema-tema ini disusun mengikut tiga komponen ekologi: (i) habitat (domain penggunaan), (ii) agen (pelajar, pensyarah), dan (iii) sumber (bahan, penilaian, insentif).

Justifikasi Kaedah

Pendekatan kuantitatif dengan tinjauan lapangan dipilih kerana ia memberi gambaran menyeluruh mengenai tren penggunaan bahasa dan memudahkan pengumpulan data dari pelbagai modul dan latar belakang pelajar. Penggunaan soal selidik dalam talian juga membolehkan capaian yang lebih luas, kecekapan dalam pengumpulan data, dan kemudahan analisis.

Dari sudut ekologi, kaedah tinjauan efektif untuk memetakan “landskap linguistik” pelajar pada skala populasi, meskipun keterbatasannya ialah tidak menangkap dinamika mikro interaksi secara mendalam (yang boleh diterokai melalui kajian etnografi pada masa hadapan). Dengan struktur metodologi ini, kajian dapat menyokong dapatan berasaskan bukti mengenai amalan translanguaging, cabaran penguasaan BMS, dan implikasi pedagogi serta dasar bahasa di institusi pengajian tinggi Brunei.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendedahkan pelbagai corak penggunaan bahasa di kalangan pelajar UBD baik dalam kehidupan harian mahupun interaksi akademik, serta kesan dwibahasa terhadap penguasaan BMS. Berdasarkan data yang diperolehi, terdapat 36 orang pelajar ikut serta dalam kajian ini seperti yang tertera dalam jadual di bawah:

JADUAL 1: Jumlah Pelajar Berdasarkan Bangsa/Keturunan

Pelajar	Bangsa	Jumlah
	Melayu	29
	Cina	3
	India	1
	Lain-lain	3
Jumlah keseluruhan Pelajar		36 orang pelajar


Ringkasnya, kajian mendapati hampir kesemua pelajar berbangsa Melayu, iaitu seramai 29 orang; bangsa Cina seramai tiga orang; bangsa India seramai satu orang; dan bangsa lain-lain seramai tiga orang. Dapatan dianalisis dengan mengambil kira perspektif translanguaging dan ekologi linguistik, yang menekankan interaksi bahasa, domain penggunaannya, dan faktor sosial-institusi.

Bahasa Dominan Responden

Hasil kajian menunjukkan bahawa 77.3% pelajar lebih cenderung menggunakan Dialek Melayu Brunei (DMB) dalam kehidupan harian, manakala 44.4% menggunakan Bahasa Inggeris (BI), dan hanya 19.4% menggunakan BMS secara konsisten. Ini menekankan bahawa BMS, walaupun merupakan bahasa rasmi negara, masih kekurangan penggunaan spontan dalam interaksi seharian.

Fenomena ini selari dengan dapatan McLellan (2023) yang menunjukkan translanguaging berlaku secara semula jadi, di mana pelajar memilih bahasa yang paling selesa atau efisien untuk berkomunikasi.

Secara ekologi, angka ini menandakan DMB sebagai lingua franca sosial dengan “ketersediaan sumber” tinggi (rangkaiannya sosial, keintiman), manakala BI mendapat sokongan sumber akademik; BMS kekurangan habitat sosial spontan. Ini menunjukkan bahawa penggunaan dialek sangat signifikan dalam kehidupan seharian, tanpa mengira situasi, tempat dan lawan interaksi. Dialek tidak mempunyai peraturan atau rumus yang perlu diikuti dan hanya menitikberatkan pemahaman sahaja. BI pula dilihat sebagai bahasa yang lebih mudah digunakan kerana hampir kesemua modul di universiti disampaikan menggunakan bahasa tersebut. Peratus yang paling rendah dicatat ialah pelajar yang menggunakan BMS dalam sehari-hari disebabkan tiada keperluan menggunakannya, seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:



RAJAH 1: Bahasa Dominan Sehari-hari

Pola Bahasa Interaksi Akademik

Dalam konteks akademik, hanya 13.8% pelajar menggunakan BMS sepenuhnya ketika berinteraksi dengan pensyarah atau rakan sekelas. Sebahagian besar pelajar menggunakan kombinasi bahasa, termasuk BMS–BI (58.3%) dan DMB–BI (52.8%). Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun modul BMS menawarkan peluang formal untuk menggunakan bahasa rasmi, pelajar masih cenderung memasukkan BI atau DMB untuk memudahkan pemahaman konsep akademik yang kompleks. Peralihan bahasa ini menunjukkan *translanguaging* bukan sahaja strategi komunikasi, tetapi juga strategi kognitif yang membantu pelajar menyesuaikan bahasa dengan keperluan tugas dan kefahaman. Jadual di bawah ada butirannya:

JADUAL 2: Bahasa yang Lazim Sewaktu Interaksi Bersama Pensyarah/Rakan


	Bahasa	Jumlah
	BMS sahaja	13.8% (5 orang)
	BMS dan BI	58.3% (21 orang)

Bahasa yang Lazim Sewaktu Interaksi Bersama Pensyarah/Rakan	DMB	36.1% (13 orang)
	DMB dan BI	52.8% (19 orang)
	BI sahaja	8.3% (3 orang)

Ini sejajar dengan prinsip ekologi: pelajar bermigrasi antara pertindihan bidang fungsi (*niche*) untuk mengoptimumkan akses kepada makna dan penilaian, menyebabkan BMS sukar berakar di domain akademik tanpa penguatkuasaan habitat. Ini menunjukkan bahawa latar atau *setting* dan individu yang terlibat dalam satu-satu sesi interaksi pelajar tidak memberi impak terhadap kecenderungan penggunaan BMS. Bentuk dwibahasa antara BMS-BI pula memberi gambaran bahawa ada keperluan menggunakan BI kerana kekurangan perbendaharaan kata dalam BMS. Keadaan ini boleh jadi sebaliknya. Begitu juga dengan bentuk dwibahasa DMB-BI yang diujarkan oleh pelajar semasa interaksi bersama pensyarah kerana tidak menguasai BMS dan kejanggalan menggunakannya kerana selesai menggunakan DMB.

Cabaran Penguasaan Bahasa Melayu Standard

Kajian ini mengenal pasti beberapa cabaran utama yang menyekat penguasaan BMS. Sebanyak 84.6% pelajar lebih cenderung menggunakan dialek, manakala 65.4% jarang menggunakan BMS dalam interaksi akademik. Tambahan pula, 61.1% pelajar kurang keyakinan untuk menggunakan BMS, khususnya dalam penulisan akademik. Berikut diperturunkan Rajah 2 bagi menunjukkan butirannya:



RAJAH 2: Cabaran Penggunaan BMS Yang Sering Dihadapi Pelajar Dalam Sewaktu Interaksi/Penulisan


Berpandukan rajah di atas, cabaran yang paling banyak dihadapi oleh pelajar ialah lebih cenderung menggunakan dialek, sebanyak 84.6% atau 22 orang. Kedua, tidak menggunakan BMS dalam interaksi mencatat sebanyak 65.4% atau 17 orang. Seterusnya, pada peratus yang sama, BI lebih dominan digunakan dalam hampir kesemua modul yang diikuti. Seramai 15 orang atau 57.7% pelajar berpendapat bahawa tiada keperluan menggunakan BMS dalam interaksi

harian. Sebanyak 53.8% atau 14 orang pelajar lebih cenderung menggunakan BI sepenuhnya dalam interaksi. Manakala 38.5%, bersamaan 10 orang pelajar berpendapat interaksi dan penulisan dalam BI jauh lebih ringkas dan mudah. Seterusnya, sebanyak 34.6% atau 9 orang pelajar berpendapat bahawa perbendaraan kata dalam BMS sukar difahami. Terakhir, rumus atau peraturan dalam BMS sukar dan kompleks mencatat sebanyak 11.5%, bersamaan 3 orang pelajar.

Faktor-faktor ini selari dengan dapatan Noor Azzam Othman (2021) dan Sharbawi (2019) yang menunjukkan bahawa dominasi BI dan dialek tempatan menimbulkan halangan praktikal dan psikologi kepada penggunaan BMS. Kekurangan keyakinan dan peluang penggunaan menyebabkan pelajar terpaksa mengalih kod atau menggabungkan bahasa, yang berpotensi melemahkan penguasaan tatabahasa formal. Dalam kerangka ekologi, ini menggambarkan “tekanan persaingan” yang tinggi terhadap BMS DAN ketiadaan insentif dan sokongan struktur yang memadai untuk mengekalkan penggunaannya.

Kesan Positif Kemahiran Dwibahasa

Walaupun terdapat cabaran, penguasaan dwibahasa memberikan beberapa manfaat. Sebanyak 80.6% pelajar melaporkan bahawa dwibahasa membantu interaksi lebih lancar, 58.3% meningkatkan kosa kata, dan 55.6% memudahkan alih kod. Rajah seterusnya memaparkan kesan-kesan positif berkenaan:



RAJAH 3: Kesan-kesan Positif Kemahiran Dwibahasa yang Paling Ketara Terhadap Interaksi Pelajar

Dapatan ini menunjukkan bahawa *translanguaging* meningkatkan fleksibiliti linguistik, membolehkan pelajar menghubungkan konsep dari kedua-dua bahasa dan mempermudah komunikasi. Rajah di atas menunjukkan sebanyak 80.6% bersamaan 29 orang pelajar menyatakan antara lain kesan positif hasil kemahiran dwibahasa ialah membantu interaksi pelajar menjadi lebih baik. Manakala, 61.1% atau 22 orang pelajar beranggapan bahawa menggunakan dua bahasa dalam satu masa turut dilihat sebagai satu kesan yang positif. Data juga mempamerkan bahawa 58.3% bersamaan 21 orang pelajar menyatakan kemahiran dwibahasa menambahkan kosa kata.

Seterusnya, 55.6% atau 20 orang pelajar menyatakan bahawa mereka boleh beralih kod dengan lebih baik hasil dari kemahiran dwibahasa yang dimiliki. 41.7% atau 15 orang pelajar turut berpendapat bahawa BMS menjadi lebih baik; begitu juga seramai sembilan orang pelajar bersamaan 25% bersetuju BI juga menjadi lebih baik dengan kemahiran dwibahasa yang dikuasai. García & Wei (2014) menekankan bahawa *translanguaging* yang terancang dapat menjadi alat pedagogi yang menyokong pembelajaran, selagi tidak menggantikan bahasa rasmi. Dari sisi ekologi, *translanguaging* ialah adaptasi yang meningkatkan “kecergasan komunikasi” pelajar dalam pelbagai niche, tetapi perlu dipandu supaya tidak menjejaskan pemantapan habitat BMS.

Kesan Negatif Kemahiran Dwibahasa

Di samping manfaat, terdapat beberapa kesan negatif yang ketara. Bahagian C dalam borang soal selidik mengkehendaki pelajar menjawab soalan berdasarkan pandangan mereka. Kajian mendapati enam kesan negatif yang dikesan dalam kemahiran bercakap, berdasarkan jawapan pelajar, iaitu:

- a. Kekeliruan antara rumus dan tatabahasa dalam BMS-BI dan BI-DMB,
- b. Kecenderungan terhadap penggunaan BI kerana dianggap lebih mudah difahami dan diujarkan,
- c. Pelbagai gangguan bahasa, antara lain bahasa rojak dalam kalangan pelajar akibat penggunaan lebih dari satu bahasa.
- d. Tidak//kurang menguasai BMS akibat kecenderungan terhadap BI,
- e. Fenomena alih kod interayat dan intraayat begitu meluas dan mungkin menyebabkan gangguan dalam menguasai pembelajaran modul berbahasa Melayu standard.

Bukan itu sahaja, kesemua pelajar juga turut memberikan jawapan kesan negatif kemahiran dwibahasa dari aspek penulisan. Berikut ialah rangkuman kesemua jawapan pelajar melalui empat kesan negatif dari aspek penulisan:

- a. Gangguan bahasa, misalnya bahasa rojak yang digunakan dalam penulisan akibat kemahiran menggunakan pelbagai bahasa,
- b. Terjemahan terus, atau *direct translation* yang dilakukan pelajar menyebabkan kualiti penulisan terjejas, misalnya kata tanya yang digunakan dalam ayat penyata iaitu ‘yang mana’ bagi *which*, dan ‘di mana’ bagi *where*.
- c. Struktur penulisan BMS yang ditulis pelajar dipengaruhi oleh BI atau DMB.
- d. Kekeliruan dalam ejaan, rumus dan peraturan, ketatabahasaan, struktur binaan ayat menggunakan BMS dan sebagainya berlaku kerana kecenderungan terhadap bentuk dwibahasa DMB-BI.

Pelajar melaporkan fenomena bahasa rojak dan terjemahan terus, iaitu struktur ayat BI mempengaruhi BMS, menyebabkan kekeliruan kosa kata dan tatabahasa. Dapatan ini menunjukkan bahawa *translanguaging* tanpa kawalan pedagogi boleh menurunkan standard bahasa akademik, selari dengan dapatan Lim & Tan (2019) dan Wardani (2021) dari Malaysia dan Indonesia. Kekurangan amalan formal BMS dalam tugas dan komunikasi rasmi meningkatkan risiko pelajar mengadopsi corak bahasa bercampur secara berterusan, yang akhirnya menjejaskan penguasaan bahasa rasmi sebagai bahasa ilmu. Ini menandakan ketidakstabilan ekologi: apabila

norma dan ganjaran akademik memihak kepada BI, *translanguaging* yang tidak dibimbing akan menyerap struktur BI ke dalam BMS, lalu menghakis standard.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa *translanguaging* berlaku secara semula jadi dan bermanfaat untuk kefahaman, tetapi BMS memerlukan pengukuhan melalui modul berstruktur, dasar bahasa, dan strategi pedagogi untuk memastikan bahasa rasmi tetap kukuh sebagai bahasa ilmu dan identiti kebangsaan. Dengan kata lain, keseimbangan ekologi perlu diatur semula agar habitat BMS bertambah luas dan berfungsi.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa *translanguaging* menjadi strategi komunikasi utama di kalangan pelajar UBD, tetapi penguasaan BMS masih terpinggir. Fenomena ini boleh difahami melalui lensa ekologi linguistik (Haugen, 1972; Hornberger, 2002), yang menekankan bahawa bahasa berkembang dalam konteks interaksi sosial, struktur institusi, dan kuasa politik-budaya. Dalam konteks UBD, dominasi BI sebagai bahasa ilmu global dan DMB sebagai bahasa identiti harian menyebabkan BMS kehilangan domain penggunaannya, walaupun statusnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam modul elektif. Maka, isu penguasaan BMS bukan semata-mata persoalan kemahiran individu, tetapi persoalan “pengurusan ekosistem bahasa” di kampus.

***Translanguaging* Sebagai Strategi Pedagogi**

Translanguaging, seperti yang dijelaskan oleh García & Wei (2014), membolehkan pelajar menggunakan keterampilan berbahasa mereka untuk meningkatkan pemahaman dan fleksibiliti kognitif. Dalam kajian ini, pelajar menggunakan gabungan BMS–BI atau DMB–BI untuk tugas akademik dan interaksi kuliah. Fenomena ini membantu kefahaman konsep yang kompleks dan memudahkan komunikasi. Namun, tanpa kawalan pedagogi, *translanguaging* boleh menyebabkan bahasa rojak, pengaruh BI terhadap struktur ayat BMS, dan kekeliruan tatabahasa, selaras dengan dapatan Lim & Tan (2019) dan Wardani (2021). Oleh itu, *translanguaging* perlu diterapkan secara terancang sebagai alat sokongan, bukan pengganti BMS. Dalam kerangka ekologi, *translanguaging* berperanan mengalirkan dan menstabilkan bahasa: draf awal rentas bahasa dioleh dan distandardisasikan ke BMS supaya tenaga linguistik terkumpul dalam habitat BMS, bukannya sebaliknya.

Pengaruh Hipotesis Threshold Cummins (1976)

Kajian ini juga menyorot relevansi Hipotesis Threshold Cummins (1976). Pelajar yang belum mencapai tahap penguasaan BMS yang minimum (CALP) berisiko mengalami bilingualisme subtraktif, yang boleh menjejaskan pencapaian akademik. Dapatan mendapati pelajar kurang yakin menggunakan BMS dalam interaksi akademik, menunjukkan jurang penguasaan bahasa yang perlu ditangani melalui intervensi pedagogi dan modul pengukuhan. Dalam metafora ekologi, tanpa ruang yang mencukupi (domain tugas, penilaian, bahan rujukan), penggunaan BMS dalam konteks akademik akademik sukar berkembang secara stabil dan mapan.

Cadangan Dasar Bahasa dan Strategi Pedagogi untuk Pengukuhan BMS

Berdasarkan dapatan ini, beberapa cadangan dasar dan strategi pedagogi konkrit boleh diperkenalkan. Pertama, universiti boleh menetapkan domain wajib penggunaan BMS dalam tugas akademik, forum rasmi, dan komunikasi rasmi. Misalnya, penulisan laporan, seminar, dan forum perbincangan harus menggunakan BMS sebagai bahasa utama. Ini bersamaan dengan peluasan habitat BMS dan pengurangan *niche congestion* oleh BI. Selain daripada itu, pelajar yang belum mencapai tahap CALP boleh mengikuti modul pengukuhan BMS, sama ada berbentuk intensif atau berasaskan projek, yang menumpukan pada kosa kata akademik, struktur ayat formal, dan penulisan ilmiah. Modul ini bertindak sebagai program pemulihan ekologi bahasa untuk memulihkan kepadatan dan keseimbangan penggunaan BMS dalam domain akademik.

Sebagai tambahan, pensyarah perlu dilatih untuk menggunakan *translanguaging* secara terancang bagi menyokong pembelajaran BMS. Strategi ini termasuk penyediaan glosari dwibahasa, contoh penggunaan BMS dalam konteks akademik, dan sesi refleksi penggunaan bahasa dalam kelas. Dalam hal ini, pensyarah memainkan peranan penting dalam mengekalkan keseimbangan penggunaan bahasa agar hala tuju pembelajaran kekal berpaksikan BMS. Selain itu, semua platform digital universiti seperti forum, portal tugas, dan bahan rujukan dalam talian perlu menekankan penggunaan BMS. Misalnya, penyediaan templat tugas dan forum perbincangan dalam BMS dapat menggalakkan penggunaannya secara konsisten, sekali gus memperkukuh kesinambungan amalan BMS dalam ekosistem akademik universiti.

Manakala, pihak universiti boleh melaksanakan penilaian berkala untuk mengukur penguasaan BMS dalam kalangan pelajar, dengan memberi maklum balas konstruktif bagi memperbaiki kekurangan dalam kosa kata, tatabahasa, dan gaya penulisan. *Translanguaging* boleh digunakan sebagai alat sokongan kognitif, tetapi harus diintegrasikan dalam pedagogi berstruktur. Misalnya, pelajar dibenarkan menulis draf awal dalam BI atau DMB, kemudian menukar ke BMS dengan bimbingan pensyarah. Ini memberikan sumber pendekatan ini membolehkan fleksibiliti tanpa menjejaskan penguasaan bahasa rasmi. Ini memastikan sumber linguistik pelajar, termasuk pengetahuan dwibahasa mereka, dimanfaatkan untuk memperkukuh BMS, bukan hilang ke bahasa dominan.

Kaitan Dengan Kajian Serantau

Dapatan ini selari dengan kajian di Malaysia (Ahmad et al., 2020; Aziz & Ismail, 2021) yang menunjukkan bahawa penguatkuasaan bahasa rasmi melalui modul terancang meningkatkan penguasaan BM. Begitu juga, kajian di Indonesia (Suryadinata, 2019) menekankan bahawa *translanguaging* boleh berfungsi sebagai medium pembelajaran, namun berisiko melemahkan kedudukan bahasa nasional jika tidak diurus secara strategik. Oleh itu, pengalaman serantau menunjukkan bahawa dasar bahasa yang konsisten dan pedagogi berstruktur merupakan kunci untuk mengekalkan peranan BMS sebagai bahasa ilmu. Dari sudut ekologi linguistik, ketiga-tiga konteks memperlihatkan satu pola yang sama: iaitu sumber akademik dan ganjaran penilaian menyebelahi bahasa global. Oleh itu, kelestarian bahasa kebangsaan memerlukan pengurusan yang aktif dan berterusan.

Strategi Pengukuhan dan Pemeliharaan BMS di Universiti

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan konkrit boleh diperkenalkan bagi memastikan kelestarian BMS dalam konteks universiti. Pertama, penggunaan BMS dalam tugas, forum rasmi, dan laporan akademik harus diperkukuh sebagai bahasa utama. Ini termasuk penulisan esei, projek kumpulan, dan penyampaian lisan, bagi memastikan bahasa rasmi digunakan secara konsisten dan berfungsi sebagai ruang pemeliharaan bagi BMS dalam ekologi

Pensyarah juga perlu dilatih menggunakan *translanguaging* secara berstruktur. Contohnya, mereka boleh menyediakan glosari dwibahasa, dan membimbing pelajar menukar draf dari BI-DMB-BMS, serta memberik contoh penggunaan BMS dalam konteks akademik dan komunikasi biasa. Dengan cara ini, pensyarah berperanan sebagai fasilitator penggunaan bahasa, yang akan memastikan migrasi rentas bahasa diarahkan ke BMS. Di samping itu, pengintegrasian BMS dalam platform pembelajaran digital seperti portal akademik, forum dan bahan pembelajaran dalam setiap talian perlu diperkukuh. Keterangan tugas dan forum perbincangan sebaiknya disediakan dalam BMS bagi memberi pelajar ruang berlatih bahasa rasmi secara konsisten serta menyambungkan lingkungan BMS di seluruh pengalaman pembelajaran kampus.

Penguasaan BMS juga perlu dinilai dan dipantau secara berkala melalui ujian bahasa, penulisan akademik, dan rubrik pengajaran. Maklum balas yang spesifik boleh diberikan untuk meningkatkan kosa kata, tatabahasa, dan gaya penulisan formal. Pihak universiti boleh membangunkan indikator ekologi bahasa, seperti Indeks Doman-BMS atau skor CALP-BMS, untuk memantau kesihatan ekosistem sekaligus memupuk budaya melestarikan BMS. Akhirnya, dalam konteks pengajaran di kelas, *translanguagi* boleh dijadikan sebagai strategi sokongan berstruktur. Pelajar dibenarkan menulis draf awal dalam BI atau DMB dan kemudiannya menukarnya ke BMS dengan bimbingan pensyarah. Aktiviti kelas seperti forum perbincangan, pembentangan, dan tugas kumpulan boleh dirancang untuk memaksimumkan penggunaan BMS sambil memberi ruang *translanguaging* apabila perlu. Pendekatan berperingkat (*scaffolded*) ini membing pelajar mengaplikasikan BMS secara beransur-ansur daripada komunikasi santai ke tugas formal, memastikan aliran adaptasi linguistik memupuk kompetensi BMS sebagai hasil akhir ekologi pembelajaran.

CADANGAN KAJIAN

Bagi memperkukuh pemahaman tentang *translanguaging* dan BMS, kajian lanjut boleh dijalankan dalam beberapa aspek, termasuklah kajian longitudinal bagi menilai perubahan pengurusan BMS sepanjang tempoh pengajian universiti. Perbandingan disiplin akademik, contohnya antara modul STEM dan modul bahasa, bagi melihat perbezaan corak *translanguaging* juga boleh dijalankan. Analisis kualitatif mendalam tentang sikap pelajar terhadap BMS, *translanguaging* dan faktor sosial yang mempengaruhi pilihan bahasa, Tambahan pula, kajian etnografi mikro boleh memetakan interaksi harian sebagai ekologi mikro untuk memahami mekanisme adaptasi bahasa di bilik kuliah dan komuniti pelajar. Secara keseluruhan, artikel ini menegaskan bahawa BMS dapat diperkukuh tanpa menafikan manfaat *translanguaging*, melalui dasar bahasa yang jelas, pedagogi berstruktur, dan sokongan institusi. Pendekatan ini bukan sahaja mengekalkan BMS sebagai bahasa ilmu, tetapi juga memperkasakan identiti kebangsaan dalam konteks pendidikan tinggi dwibahasa di Brunei. Dirumuskan secara ekologi: pengurusan habitat, insentif domain, dan

laluan *translanguaging* yang terarah ke BMS adalah kunci kelangsungan BMS sebagai bahasa ilmu.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa *translanguaging* memainkan peranan penting dalam komunikasi pelajar dwibahasa di UBD, meningkatkan kefahaman pelajar terhadap bahan akademik dan interaksi mereka. Walau bagaimanapun, BMS tetap berada dalam kedudukan yang terpinggir akibat dominasi BI dan DMB, terutamanya dalam interaksi harian dan akademik. Fenomena ini menekankan bahawa walaupun *translanguaging* bermanfaat sebagai strategi kognitif dan pedagogi, ia tidak boleh menggantikan peranan BMS sebagai bahasa ilmu dan identiti kebangsaan. Dengan dasar bahasa yang jelas, pedagogi berstruktur, dan sokongan institusi, BMS dapat diperkukuh tanpa menafikan manfaat *translanguaging*. Secara ekologi, pengurusan habitat bahasa, insentif domain, dan laluan *translanguaging* yang terarah ke BMS merupakan kunci bagi kelangsungan BMS sebagai bahasa ilmu dan pengukuhan identiti kebangsaan dalam pendidikan tinggi dwibahasa di Brunei.

RUJUKAN

- Abdollah, N., & Harun, K. 2025. Sikap bahasa Melayu murid-murid di sekolah menengah dalam program dwibahasa. *Jurnal Melayu (UKM)*, 24(2), 136–154. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/94377/17932>
- Abdul Wahab, M. K. 2023. Sikap bahasa dan pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Melayu (UKM)*, 22(2), 101–120. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/XXXX/XXXX>
- Ahmad, R., Yusof, N., & Ismail, H. 2020. Translanguaging in Malaysian higher education: Practices and implications. *Journal of Multilingual Education*, 6(2), 55-74.
- Almashour, M. 2024. Translanguaging and its impact on identity formation among bilingual learners. *Frontiers in Education*. <https://doi.org/10.3389/educ.2024.1464741>
- Aziz, F., & Ismail, M. 2021. Bilingualism and language policy in Malaysian universities. *Asian Journal of Language Policy*, 12(1), 101–118.
- Baker, C. 2011. *Foundations of bilingual education and bilingualism* (5th ed.). Multilingual Matters.
- Bialystok, E. 2001. *Bilingualism in development: Language, literacy, and cognition*. Cambridge University Press.
- Cummins, J. 1976. The influence of bilingualism on cognitive growth: A synthesis of research findings and explanatory hypotheses. *Working Papers on Bilingualism*, 9, 1–43. Escamilla, K., Hopewell, S., Butvilofsky, S., Sparrow, W., Soltero-González, L., Ruiz-Figueroa, O., & Escamilla, M. 2014. Translanguaging in the bilingual classroom. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 17(5), 499–518. <https://doi.org/10.1080/13670050.2013.796462>
- Evans, B., & Fisher, S. 2011. Supporting bilingual learners: Pedagogical strategies. *Language Teaching Research*, 15(2), 187–205. <https://doi.org/10.1177/1362168810382486>

- García, O. 2009. *Bilingual education in the 21st century: A global perspective*. Wiley Blackwell.
- García, O. 2025. The continua of biliteracy: Flows and obstructions. *TESOL Quarterly*.
<https://doi.org/10.1002/tesq.70019>
- García, O., & Wei, L. 2014. *Translanguaging: Language, bilingualism and education*. Palgrave Macmillan.
- Hornberger, N. H. 2002. Multilingual language policies and the continua of biliteracy. *Language Policy*, 1(1), 27–51. <https://doi.org/10.1023/A:1015782317598>
- Hornberger, N. H., & McCarty, T. L. 2018. Globalization from the periphery: Language policy, multilingual education and the ecology of language. *Language Teaching*, 51(3), 300–317.
<https://doi.org/10.1017/S0261444818000030>
- Jainatul Halida, J. 2022. Translanguaging practices in Brunei higher education. *Journal of Language and Education Studies*, 5(2), 45–60.
- Jones, R. 2015. Language proficiency and academic performance in multilingual contexts. *Journal of Higher Education Linguistics*, 7(1), 12–29.
- Konting, M. M. 1990. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lasagabaster, D., & Doiz, A. 2003. Bilingualism and academic achievement in higher education. *International Review of Applied Linguistics*, 41(2), 101–123.
<https://doi.org/10.1515/iral.2003.041>
- Makmun, R. 2007. Pengajaran terancang kata pinjam Bahasa Inggeris: Memperkaya kosa kata pelajar Bahasa Melayu. Dalam *Prosiding Seminar Tahunan Bahasa Melayu Linguistik II*. Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.
- Martin, P. 2018. Academic literacy and bilingualism: Evidence from Brunei. *Asian Education Studies*, 3(2), 77–94.
- McLellan, J. 2023. Bilingualism and translanguaging in Brunei Darussalam. *Asia Pacific Journal of Language in Education*, 13(1), 77–95. <https://doi.org/10.1007/s40841-023-00237-5>
- Mohamed Berawi, F. 2017. *Metodologi penyelidikan: Panduan menulis tesis*. UUM Press.
- Noor Azam Haji-Othman. 2021. Language policy and the future of Malay in Brunei. *Journal of Multilingual Education*, 4(2), 115–132.
- Puteh, A. 2006. Language and nation building: A study of the language medium policy in Malaysia. Strategic Information and Research Development Centre.
- Puteh, A. 2012. Pendidikan dan pembangunan: Kejayaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di Malaysia. UUM Press.
- Ramli, Z. 2016. Kepelbagaian modaliti dalam pengajaran dan pembelajaran dwibahasa. *Jurnal Pendeta*, 7, 156–169.
- Sharbawi, S. 2019. The challenges of maintaining Standard Malay in a bilingual nation. *Linguistics of the Malay World*, 7(1), 33–55. <https://doi.org/10.17576/lmw-2019-0701-03>
- Sharbawi, S. 2021. Language practices and policy gaps in Brunei higher education. *Journal of Sociolinguistics in Asia*, 5(1), 50–68.
- Suryadinata, L. 2019. Translanguaging in Indonesian universities: Practices and implications. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 3(2), 45–60.

- Morve, R. K., & Wen, X. 2023. The role of English and the sociocultural structure of Bahasa: A study of Brunei Darussalam. *Asian-Pacific Journal of Second and Foreign Language Education*, 8(14). <https://doi.org/10.1186/s40862-023-00186-5>
- Zaki, N. N. M., & Sulaiman, N. A. 2024. Translanguaging in Malaysian secondary schools: ESL teachers' practices and perceptions. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(6). <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v14-i6/21604>
- Almashour, M. 2024. Translanguaging and its impact on identity formation among bilingual learners. *Frontiers in Education*. <https://doi.org/10.3389/feduc.2024.1464741>
- Liao, J. S. 2025. Evaluating methodological features of research on translanguaging practices in multilingual classrooms. *Language Teaching Research*. <https://doi.org/10.1177/13621688211054321>
- Rajendram, S. 2023. Translanguaging as an agentive pedagogy for multilingual learners. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 26(7), 1052–1066. <https://doi.org/10.1080/13670050.2021.1898619>
- Pham, H. N. 2024. Translanguaging practice in higher education: Lecturers' and students' perspectives. *Journal of Teaching English*, 10(1), 1–15. <https://doi.org/10.5430/jte.v10n1p1>

Biodata Penulis:

Rabi'atul Adawiyah Haji Hassan

Penulis ialah pegawai pendidikan di Pusat Bahasa, UBD dengan sepuluh tahun pengalaman mengajar bahasa Melayu kepada pelajar tempatan, antarabangsa dan pihak berkepentingan. Beliau berkelulusan Sarjana Bahasa Melayu dan Linguistik UBD dan kini mengikuti pengajian PhD Linguistik di Universiti Malaysia Sabah. Fokus penyelidikan beliau merangkumi pemerolehan bahasa dan komunikasi silang budaya.

Saidatul Nornis Haji Mahal (PhD)

Saidatul Nornis Haji Mahali merupakan Pof. Madya Dr. di Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Bidang kepakaran dalam Linguistik Antropologi, Linguistik Etno, dan kajian terhadap Bahasa-bahasa peribumi di Sabah-Sarawak.